

SOALAN NO: 21

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : SELASA, 11 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : L11 [PR-1323-L65324]

SOALAN :

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah kementerian sedar bahawa Labuan sedang mengalami kekurangan tanah perindustrian yang sangat kritikal disebabkan oleh permintaan meningkat tinggi disebabkan pembangunan pesat industri minyak dan gas. Adakah perancangan untuk membina jalan-jalan baru bagi membolehkan pembangunan baru dilaksanakan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Labuan, Kementerian sedar bahawa industri minyak dan gas di Labuan sedang mengalami situasi pembangunan yang agak pesat. Keadaan ini kelihatan begitu jelas sekali apabila jumlah pemain industri yang membuat permohonan tanah adalah adalah begitu tinggi dan tanah yang ada pula sememangnya terhad. Keadaan ini memerlukan Labuan untuk menebus guna tanah di beberapa kawasan tepi pantainya.

Dalam pada itu, keperluan untuk membina beberapa jalan baru adalah tidak dapat dipertikaikan. Untuk itu, Kementerian Wilayah Persekutuan bersama Kementerian Kerja Raya telah mengenal pasti beberapa batang jalan yang sememangnya wajar dibina bagi memastikan kawasan industri dapat dihubungkan dengan segera selain dapat mengelakkan masalah kesesakan lalu lintas. Di antara jalan-jalan terlibat adalah:

- i. Jalan Kinabenuwa ke Rancha-Rancha (10km);
- ii. Jalan Mohamad Salleh ke Jalan Kinabenuwa (10km);
- iii. Jalan Nagalang ke Membidai (8km); dan
- iv. Jalan dari Taman Mutiara ke Jalan Kinabenuwa (5km).

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2014 (SELASA)

SOALAN :

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan proaktif Kerajaan dalam menyelesaikan isu pertindihan kuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil rentetan daripada meningkatnya kes-kes berkaitan pertikaian hak penjagaan anak antara ibu bapa berlainan agama.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, **usaha rundingan semula sedang dijalankan** dengan negeri-negeri dalam usaha mencari penyelesaian terhadap kes-kes hak penjagaan anak

membabitkan pasangan di mana salah satu daripada ibu atau bapanya memeluk agama Islam. Dalam kes hak jagaan anak, pertimbangan utama yang perlu diambil perhatian adalah kebijakan kanak-kanak tersebut. Walaupun pihak ibu atau bapa yang terlibat juga turut mempunyai kepentingan dalam penjagaan kanak-kanak, kepentingan kanak-kanak lebih mengatasi kepentingan pihak-pihak yang lain sama ada ibu atau bapa atau penjaga.

Dalam hal ini, Kerajaan sedang meneliti semua sudut secara holistik dengan mengambil kira kepentingan dan keadilan semua pihak demi menjaga kepentingan masyarakat Islam dan bukan Islam. Antaranya ialah dengan menyelesaikan isu pertindihan kuasa antara mahkamah sivil dan Syariah dengan membuat cadangan pindaan terhadap undang-undang yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.